

13 OCT 2003

OIC-Kazakhstan

DIALOG ANTARA AGAMA BOLEH GALAKKAN KEAMANAN GLOBAL - KAZAKHSTAN

Oleh: P.Vijian

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Masalah politik dan sosial pada masa sekarang boleh diselesaikan melalui dialog antara agama, kata Menteri Luar Kazakhstan Kassymzhomart Tokaev hari ini.

Beliau berkata toleransi dan pemahaman agama amat penting dalam menggalakkan keamanan dalam dunia yang kini pesat berubah.

"Dialog perlu diamalkan dalam dunia kotemporari," katanya kepada Bernama ketika ditemuramah pada acara sampingan di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

"Tanpa dialog tidak akan ada keamanan dan kemajuan," kata Tokaev, yang akan mewakili Kazakhstan pada sidang kemuncak yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis dan Jumaat.

Tokaev memberikan contoh Perhimpunan Keagamaan Antarabangsa yang diadakan di ibu negara Kazakhstan, Astana, pada bulan lepas yang merupakan antara usaha kerajaannya untuk menggalakkan dialog antara agama bagi menggalakkan keamanan dan perpaduan.

Perhimpunan itu bukan perbincangan mengenai teologi tetapi mengenai potensi kapasiti agama dalam menyumbang kepada keamanan global, katanya.

"Kita perlu mengadakan dialog yang terbuka, mesra dan tidak berat sebelah. Agama merupakan subjek yang amat rumit dan banyak kali telah menjadi punca konflik dan juga alat bagi penyatuan semula.

"Hari ini, agama perlu menjadi alat bagi menyediakan perpaduan dan setiakawan," kata Tokaev. Kazakhstan adalah negara kesembilan terbesar di dunia dengan jumlah penduduk 14 juta.

Beliau berkata pertubuhan 57 anggota itu perlu memainkan peranan penting, bukan sahaja untuk manfaat ummah tetapi juga bagi dunia yang kini dibebani dengan pelbagai masalah.

"Saya berpendapat OIC perlu diubah, disusun semula dan kecekapannya dipertingkatkan. Ia bukan hanya sekadar bercakap mengenai perpaduan ummah tetapi juga mengenai isu-isu pragmatik dan praktikal seperti sains dan teknologi dan perdagangan. Kita perlu permudahkan perdagangan dua hala dan pelbagai hala," katanya sambil menyatakan keyakinan terhadap Malaysia yang akan menerajui OIC bagi tiga tahun akan datang.

Mengenai dilema yang sedang dihadapi ummah kini, terutamanya selepas serangan pengganas 11 Sept, 2001 ke atas Amerika Syarikat, beliau berkata orang Islam perlu lebih praktikal dalam usaha untuk mengubah imej buruk di kalangan mereka yang ragu-ragu mengenainya.

"Persepsi Islam telah diputarbelitkan tetapi kita perlu berterus terang dan pragmatik. Kemungkinan kita juga silap kerana tidak memberikan penjelasan dan mengamalkan ajaran Islam secara sederhana. Kita perlu mulakannya dengan diri sendiri, mengelakkan menjadi ekstremis dan mempunyai banyak fahaman."

Katanya OIC, yang mewakili lebih satu juta bilion orang Islam, mempunyai tanggungjawab yang lebih penting dalam melindunginya ummah terutamanya selepas tragedi 2001 di Amerika Syarikat.

"Fokus OIC juga perlu diubah, terutamanya di Asia Tengah, rantau kami menjadi semakin penting dalam hubungan antarabangsa kontemporari," katanya.

Dalam aspek itu, Tokaev yakin OIC akan menjadi sebuah pertubuhan yang lebih efektif di bawah pimpinan Malaysia.

"Tidak disangsikan lagi bahawa di bawah kepimpinan Malaysia, OIC akan berjaya. Malahan dalam waktu singkat Malaysia telah berbuat banyak,"

katanya.

Dengan agenda konkrit, seperti menggalakkan perdagangan dua hala dan penyusunan semula OIC, menteri itu percaya Malaysia akan dapat menangani pelbagai masalah yang dihadapi pertubuhan itu - tercetusnya perbalahan yang telah menghalang ummah daripada mencapai pendirian bersama berhubung perkara yang berkaitan dengan umat Islam.

-- BERNAMA

VP AZZ RHM